
BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Ogos 2018

Inflasi menurun pada bulan Ogos

Sumbangan kepada Inflasi




*Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung pelaksanaan kadar GST sifar.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 0.2% pada bulan Ogos (Julai: 0.9%) disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah, mencerminkan kesan asas.
- Kesan pindahan daripada pelaksanaan kadar Cukai Barangan dan Perkidmatan (GST) sifar lebih tinggi sedikit pada bulan Ogos, iaitu pada 46% (Julai: 45%).
- Tidak termasuk kesan pelaksanaan kadar GST sifar, inflasi teras terus stabil pada 1.4% (Julai: 1.5%).

Pertumbuhan IPI keseluruhan lebih tinggi pada bulan Julai

Sumbangan kepada IPI Keseluruhan




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Pertumbuhan indeks pengeluaran industri (industrial production index, IPI) keseluruhan meningkat 2.6% pada bulan Julai (Jun: 1.1%), dalam keadaan pertumbuhan pengeluaran perkilangan dan elektrik yang lebih kukuh, serta penurunan yang lebih kecil dalam subsektor perlombongan.
- Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan (Julai: 5.2%; Jun: 4.5%) disebabkan terutamanya oleh prestasi pengeluaran produk E&E dan pengangkutan yang lebih kukuh.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat




[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan, IKP) dan bon korporat terkumpul.
[2] Purata bergerak 3 bulan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Ogos, pembiayaan bersih[1] meningkat kepada 7.4% (Julai: 7.2%). Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat kepada 13.4% (Julai: 13.0%) sementara pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul mampan pada 5.4% (Julai: 5.3%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul stabil bagi sektor perniagaan (Ogos: 3.8%; Julai: 3.7%) dan isi rumah(Ogos: 6.1%; Julai: 6.0%).
- Kadar pertumbuhan[2] permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah untuk *pembelian kereta penumpang* terus meningkat masing-masing kepada 27.7% dan 52.0%, susulan pelaksanaan kadar GST sifar (Julai: masing-masing 24.8% dan 39.1%).

Sorotan Bulanan
Ogos 2018

Prestasi pasaran kewangan positif dalam keadaan ringgit menyusut nilai

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Ogos




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Ringgit menyusut nilai sebanyak 1.1% pada bulan Ogos akibat aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Aliran keluar didorong terutamanya oleh sentimen penghindaran risiko (risk-off) di dalam rantau di tengah-tengah kebimbangan mengenai risiko penularan yang semakin meningkat, khususnya susulan penyusutan nilai lira Turki yang ketara.
- Walau bagaimanapun, pasaran bon dan ekuiti bertambah baik berikutan sokongan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik.
  - KLCI meningkat 2.0% pada bulan itu, didorong terutamanya oleh hasil perolehan syarikat permodalan besar terpilih yang positif dan harga minyak dunia yang lebih tinggi.
  - Kadar hasil MGS 5 tahun menurun 6.1 mata asas berikutan belian yang aktif daripada pelabur institusi domestik, yang telah menambah pemegangan MGS mereka sebanyak RM1.7 bilion pada bulan itu.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah Kecukupan Modal



[1] Merujuk modal yang melebihi keperluan jumlah modal minimum iaitu sebanyak 8% daripada aset berwajaran risiko.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk berhadapan dengan kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk, dengan lebihan[1] penampan modal sebanyak RM146.1 bilion pada bulan Ogos 2018.
- Penurunan modal yang sederhana antara bulan Julai dengan Ogos 2018 ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran dividen dan pelupusan instrumen modal Basel II secara berperingkat di bawah pengaturan peralihan Basel III oleh Bank Negara Malaysia.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 09/18/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 28 September 2018

SOROTAN BULANAN – OGOS 2018

Inflasi menurun pada bulan Ogos

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 0.2% pada bulan Ogos (Julai: 0.9%) disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah, mencerminkan kesan asas.
- Kesan pindahan daripada pelaksanaan kadar Cukai Barangan dan Perkidmatan (GST) sifar lebih tinggi sedikit pada bulan Ogos, iaitu pada 46% (Julai: 45%).
- Tidak termasuk kesan pelaksanaan kadar GST sifar, inflasi teras terus stabil pada 1.4% (Julai: 1.5%).

Pertumbuhan IPI keseluruhan lebih tinggi pada bulan Julai

- Pertumbuhan indeks pengeluaran industri (industrial production index, IPI) keseluruhan meningkat 2.6% pada bulan Julai (Jun: 1.1%), dalam keadaan pertumbuhan pengeluaran perkilangan dan elektrik yang lebih kukuh, serta penurunan yang lebih kecil dalam subsektor perlombongan.
- Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan (Julai: 5.2%; Jun: 4.5%) disebabkan terutamanya oleh prestasi pengeluaran produk E&E dan pengangkutan yang lebih kukuh.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pada bulan Ogos, pembiayaan bersih[1] meningkat kepada 7.4% (Julai: 7.2%). Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat kepada 13.4% (Julai: 13.0%) sementara pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul mampan pada 5.4% (Julai: 5.3%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul stabil bagi sektor perniagaan (Ogos: 3.8%; Julai: 3.7%) dan isi rumah(Ogos: 6.1%; Julai: 6.0%).
- Kadar pertumbuhan[2] permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah untuk *pembelian kereta penumpang* terus meningkat masing-masing kepada 27.7% dan 52.0%, susulan pelaksanaan kadar GST sifar (Julai: masing-masing 24.8% dan 39.1%).

Prestasi pasaran kewangan positif dalam keadaan ringgit menyusut nilai

- Ringgit menyusut nilai sebanyak 1.1% pada bulan Ogos akibat aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Aliran keluar didorong terutamanya oleh sentimen penghindaran risiko (risk-off) di dalam rantau di tengah-tengah kebimbangan mengenai risiko penularan yang semakin meningkat, khususnya susulan penyusutan nilai lira Turki yang ketara.
- Walau bagaimanapun, pasaran bon dan ekuiti bertambah baik berikutan sokongan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik.
    - KLCI meningkat 2.0% pada bulan itu, didorong terutamanya oleh hasil perolehan syarikat permodalan besar terpilih yang positif dan harga minyak dunia yang lebih tinggi.
    - Kadar hasil MGS 5 tahun menurun 6.1 mata asas berikutan belian yang aktif daripada pelabur institusi domestik, yang telah menambah pemegangan MGS mereka sebanyak RM1.7 bilion pada bulan itu.

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan, IKP) dan bon korporat terkumpul.

[2] Purata bergerak 3 bulan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk berhadapan dengan kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk, dengan lebihan[3] penampan modal sebanyak RM146.1 bilion pada bulan Ogos 2018.
- Penurunan modal yang sederhana antara bulan Julai dengan Ogos 2018 ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran dividen dan pelupusan instrumen modal Basel II secara berperingkat di bawah pengaturan peralihan Basel III oleh Bank Negara Malaysia.

Bank Negara Malaysia
28 September 2018

[3] Merujuk modal yang melebihi keperluan jumlah modal minimum iaitu sebanyak 8% daripada aset berwajaran risiko.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my